



12

12

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my

قديديتي

PENDIDIK

Mukmin Cilik, Mukmin Cerdik



Cerpen:

MESIN
PERENTAS
MASA



Artikel:

DEMI MASA,
MANUSIA KERUGIAN!



Imbas!

IMBAS KOD QR INI
UNTUK MAKLUMAT
LANJUT TENTANG
E-PENERBITAN JAKIM



قنديديتيق

PENDIDIK

Mukmin Cilik, Mukmin Cerdik



2022

Sidang Redaksi



PENAUNG

DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD. YUSOFF

Ketua Pengarah JAKIM

PENASIHAT

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE

Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM

KETUA PENGARANG

DR. LOKMAN BIN AB. RAHMAN

Pengarah Bahagian Penerbitan JAKIM

PENGARANG

NURUL WIDYAMIRZA BINTI SUJAN @ JAN

Penolong Pengarah Bahagian Penerbitan JAKIM

PENYEMAK PRUF

NORIHAN BINTI ZAKARIA

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM

REKA BENTUK

NAZRY SALAM (Pelukis, Penulis)

MOHD ASHWAD (Rekaan Grafik, Susun Atur)

AFIQ SALAM (Ilustrasi Kulit Hadapan)

PENGURUS EDARAN

AHMAD SYAHID BIN SALLEH

MOHAMAD ZAHIR BIN ABDUL HALIM

Pembantu Hal Ehwal Islam Bahagian Penerbitan JAKIM

LAMAN SESAWANG

<https://www.islam.gov.my/ms/e-penerbitan>

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM. PENDIDIK diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mulai 1989/1410H. Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya selagi tidak mengubah isi kandungannya.

KANDUNGAN

Biodata	6
• Komik Misi Jaja dan Hakim: Pintu Masa	7

Celik Al-Quran:

• Demi Masa, Manusia Kerugian!	20
• Tiga Fakta Berkenaan Surah Al-Asr	21
• Pengajaran daripada Surah Al-Asr	22
• Komik Oyen	23
• Wajib Menuntut Ilmu	20

Cerpen

• Mesin Perentas Masa	24
------------------------------	-----------

Celik Adab:

• Hutang Duit Boleh Dibayar, Hutang Masa?'	28
• Komik	30

Diari Akim

• Misi Menjadi Super Mukmin	31
------------------------------------	-----------

Celik Sejarah

• Pengembaraan Masa	36
• Kisah Pemuda Ashabul Kahfi	
• Kisah Lelaki yang Tidur 100 Tahun	38
• Kisah Seorang Nabi yang Melihat Masa Hadapan	39
• Waktu di Akhirat	41
• Komik: Mencela Masa	43

Celik Hukum

• Soal Jawab Agama	51
---------------------------	-----------

Cerpen:

• Saintis yang Bertaubat	48
---------------------------------	-----------

Semangat:

- **Hidup Bukan Perlumbaan** **52**

Cerita Inspirasi

- **Nabi Muhammad SAW** **54**
- **Allahyarham Ahmad Ammar** **55**

Tips Padu

- **Tips Menjaga Waktu Solat** **56**
- **Diari Jaja** **59**

Celik Doa:

- **Doa Para Nabi** **62**

Sayang Nabi

- **10 Amalan Harian Nabi** **67**

Celik Isu

- **Penghantar Makanan Berjaya Mendapat PhD** **72**
- **Murid Tahun 5 Menang Pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa.** **73**
- **Penyebaran Keganasan Menerusi Filem Popular** **74**

Cerpen

- **Lelaki TikTok**

Misi Kuasai Jawi:

- **Kembara Kata** **83**
- **Menulis dan Membaca**

Celik Akademik:

- **Belajar Sedikit, Dapat Banyak** **84**

Misi Kuasai Bahasa Arab

- **Nombor**
- **Bina Ayat**

Ruang Kreatif

- **Teka-teki**

BARISAN WATAK UTAMA

Super Mukmin

Adiwira imajinasi Akim



Oyen

Kucing kesayangan Akim dan Jaja



Akim

Murid tahun 4 yang aktif tetapi selalu cuai dan gopoh





Jaja

Kakak yang bijak dan penyayang tetapi perisau








































Baiklah, Kak Jaja!

Saya akan bangun dan pergi solat sekarang juga!



Tumpang lalu, ya.

Eh, kenapa tiba-tiba dia dengar cakap?



Terima kasih banyak, Kak Jaja.



Selepas ini, saya tidak mahu lagi bermalam-malam, melewatkan solat, dan bersikap degil.

Saya mahu memanfaatkan setiap saat yang Allah kurniakan supaya tiada masa terbazir.



Saya mahu ubah masa hadapan saya supaya menjadi lebih cerah dan penuh berkat. Tolong doakan saya, Kak Jaja.



Adakah ini kesan tidur selepas asar?

Tapi baguslah kalau dia mahu berubah. Moga istiqamah, amin!



DEMI MASA, MANUSIA KERUGIAN!

"Demi masa.

Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian.

Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan saling menasihati supaya mentaati kebenaran dan saling menasihati supaya menetapi kesabaran."

Ini bukan puisi mahupun lirik lagu.

Ini ialah kalam Allah yang terkandung dalam al-Quran, iaitu surah al-Asr, ayat 1 hingga 3.

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾

Demi Masa!

إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾

Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian -

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

TIGA FAKTA BERKENAAN SURAH AL-ASR:

1 Surah lazim yang kedua terpendek dalam al-Quran dan sering dibaca selepas tamat majlis.

2 Surah ini pendek tetapi amat besar maknanya, hingga Imam Shafie pernah berkata, "Seandainya tidak turun kepada manusia kecuali surah ini, nescaya ia sudah cukup bagi mereka."

3 Setiap kali dua sahabat Nabi bertemu, mereka menamatkan pertemuan dengan surah al-Asr dan ucapan salam.



PENGAJARAN DARIPADA SURAH AL-ASR



1

Masa sudah semakin suntuk disebabkan ajal dan kiamat mendekati.

2

Ramai orang berada dalam kerugian kerana disibukkan urusan duniawi yang tidak berkait dengan akhirat.

3

Selain bersolat dan membuat amalan peribadi yang lain, kita juga perlu mengajak orang lain membuat amal kebaikan.

4

Semua orang Islam perlu berdakwah dan menyebarkan ajaran Islam mengikut kemampuan masing-masing.

Surah pendek ini diungkapkan di bibir berulang kali tetapi amat rugi jika tidak menembusi hati.

Moga kita tidak tergolong dalam kalangan orang-orang yang kerugian, amin!

KOMIK OYEN

Bilakah manusia akan sedar?



Lambat-laun, setiap perbuatan mereka ...

... pasti akan dibalas.



Jika tidak di akhirat nanti, ...

... di dunia kini.



MESIN PERENTAS MASA



Tengah malam, di sebuah universiti tempatan ...

Seluruh bangunan fakulti gelap-gelita, kecuali sebuah bilik makmal yang masih terpasang lampunya.

Sudah seminggu Dr. Qayyum berkhemah di situ. Dia sibuk menyiapkan pembinaan sebuah mesin berbentuk telur yang saiznya menyamai sebuah van. Di sekeliling mesin itu, berselirat wayar dan kabel yang berhubung ke beberapa unit komputer.

Dr. Qayyum sedang melihat skrin salah satu komputer dengan wajah berkerut. Kemudian dia bersandar pada kerusi sambil menghembus nafas berat. Mata dia yang sembab dan berlingkar hitam dihalakan ke arah siling.

“Adakah mustahil sebenarnya untuk aku bina mesin ini? Adakah aku perlu hentikan projek gila ini?”

Tiba-tiba telinga Dr. Qayyum berdesing. Segera dia berselawat ke atas Nabi. Sangkanya desingan itu menghilang segera, seperti kebiasaan. Namun, semakin kuat dirasakan telinganya berdesing hingga pandangan dia mula berpusing.

“Adakah aku bekerja terlalu kuat?” ujar Dr. Qayyum sambil memicit kepala.

Muncul pancaran cahaya terang berwarna hijau dari belakang. Segera Dr. Qayyum menoleh, namun dia terpaksa menutup mata dengan lengan. Cahaya itu terlalu menyilaukan.

“Allahuakbar! Ujian apa pula yang melanda pada saat-saat ini?”

Beberapa saat kemudian, cahaya hijau itu menyusut dan menghilang. Dr. Qayyum menurunkan tangan dan mendapati di hadapannya, ada sebuah mesin berbentuk telur yang sedikit berbeza daripada mesin yang sedang dia bina.

Pintu mesin itu terbuka dan seorang lelaki melangkah keluar. Dr. Qayyum terkejut bukan kepalang apabila mendapati wajah lelaki itu begitu mirip wajahnya. Seolah-olah mereka berdua kembar seiras yang baru bertemu semula. Bezanya, lelaki itu tampak lebih berusia dengan jambang lebat dan panjang.



"Assalamualaikum, diriku yang lalu," sapa lelaki itu bersama senyuman tawar. "Jangan terkejut. Aku ialah dirimu dari masa hadapan."

Mata Dr. Qayyum membulat. Dia melihat lelaki itu dan mesin berbentuk telur bersilih ganti. Kemudian dia memandang pula mesin berbentuk telur yang separuh siap di belakangnya.

"Walaikumussalam." Dr. Qayyum baru teringat menjawab salam, kemudian berkata lagi, "Adakah ini bermakna, aku berjaya siapkan mesin perentas masa?"

Lelaki yang mendakwa dirinya ialah Dr. Qayyum dari masa hadapan itu mengangguk. "Benar, diriku yang lalu. Mesin perentas masa yang masih terburai di belakangmu itu bakal siap dan berfungsi dalam masa beberapa bulan. Kemudian dirimu bakal diangkat menjadi penerima Hadiah Nobel atas kejayaan ini."



"Allahuakbar!" Dr. Qayyum menekup mulutnya yang terlopong. "Alhamdulillah. Aku bagai tidak percaya! Seperti mimpi! Syukur, usahaku bakal membuahkan hasil!"

"Jangan gembira dahulu, diriku yang lalu. Aku datang ke sini kerana ingin memberi amaran kepadamu. Rahsiakan ciptaanmu itu. Lebih baik jika kau musnahkannya sekarang."

Kata-kata lelaki itu membuatkan Dr. Qayyum berkerut hairan. "Mengapa pula? Bukankah lebih baik aku kongsi hasil ciptaanku ini kepada seluruh dunia supaya ramai boleh mendapat manfaat."

"Hakikatnya mesin perentas masa yang kita cipta ini lebih banyak timbulkan mudarat berbanding manfaat!" balas Dr. Qayyum dari masa hadapan.

"Apabila mesin perentas masa digunakan secara meluas, manusia berlumba-lumba kembali ke masa lalu demi mengubah sejarah. Semuanya untuk kepentingan sendiri. Kesannya, berlaku gangguan dalam keseimbangan dimensi ruang-waktu dan mengakibatkan separuh populasi ghaib tanpa dikesan."

"Astaghfirullah!" Sekali lagi Dr. Qayyum menekup mulut, cuma

kali ini emosinya berlawanan daripada yang tadi. "Apa yang sudah aku lakukan?"

"Kalau difikir semula, mencipta dan menggunakan mesin perentas masa ialah perbuatan yang melanggar fitrah dan sunnatullah. Sifat masa bergerak satu hala ke hadapan. Seperti sungai yang mengalir deras dalam satu arah. Apa akan jadi jika aliran sungai itu diganggu? Ekosistem sungai hilang kestabilan dan turut terganggu."

"Sebentar." Dr. Qayyum mencelah. "Jika aku musnahkan mesin perentas masa yang aku sedang bina sekarang ini, apa yang berlaku kepada kau?"

"Aku akan kembali ke masa hadapan dan situasi tidak akan berubah," balas Dr. Qayyum dari masa hadapan. "Akan tetapi, masa hadapan kau akan jadi lebih baik daripada masa hadapan aku. Itu yang penting."

"Kalau begitu, apa yang kau lakukan ini tidak mengubah apa-apa sebenarnya," balas Dr. Qayyum.

"Aku tidak dapat bantu diriku pada masa akan datang, tapi aku dapat bantu diriku yang lalu, iaitu engkau. Sekurang-kurangnya aku sudah berusaha untuk mengubah sesuatu."

Usai mengucapkan salam perpisahan, Dr. Qayyum dari masa hadapan masuk ke dalam mesin perentas masa. Mesin dihidupkan, kemudian terpancar cahaya terang berwarna hijau. Beberapa detik selepas itu, cahaya menyurut menurunkan tangan. Tiada

dan Dr. Qayyum lagi dirinya dari masa hadapan dan mesin perentas masa di situ.

Dr. Qayyum berpaling lalu menghadap mesin ciptaannya yang separuh siap.

Dia menghela nafas panjang dan berbisik, "Selamat tinggal, mesin perentas masa"






Celik
Adab

HUTANG DUIT BOLEH DIBAYAR, HUTANG MASA?

Bayangkan situasi ini:



Kita pinjam duit kawan baik kita sebanyak RM100. Kita habiskan semua duit itu dan tidak bayar semula. Apa yang akan berlaku? Tentulah kawan kita berasa marah dan kita pula berasa serba-salah.

Itu namanya hutang duit. Sekiranya si peminjam ada duit, hutang boleh diselesaikan.

Perhatikan pula situasi ini:

Kita berjanji dengan kawan kita untuk bermain badminton pada jam 5.00 petang. Kawan baik kita sudah menunggu di gelanggang sejak jam 4.50 petang, tetapi kita pula terlupa tentang itu dan tidak hadir. Kawan kita tunggu selama dua jam dan akhirnya pulang ke rumah dengan hampa.

Esoknya kita berjumpa kawan kita itu dan mudah-mudahan meminta maaf. Hakikatnya, kita sudah meminjam masa kawan kita itu sebanyak 120 minit. Dan yang sedihnya, masa yang dipinjam tidak dapat dipulangkan semula. Kawan kita hilang 120 minit selamalamanya.

Ini namanya hutang masa. Punca utama berlakunya hutang masa ialah disebabkan tabiat tidak menepati janji.

Sebab itulah, Islam amat menegaskan umatnya untuk menepati janji yang dipersetujui, selagi mana tidak mendatangkan mudarat kepada mana-mana pihak.

3

Kelebihan Menepati Janji:

1. Termasuk dalam golongan Nabi Muhammad SAW
2. Salah satu sifat penghuni Syurga Firdaus
3. Tidak termasuk golongan orang munafik

3

Akibat Sering Memungkiri Janji:

1. Dilaknat oleh Allah, malaikat, dan manusia
2. Tidak diterima taubat
3. Memiliki salah satu sifat orang munafik

Contoh-contoh situasi yang menyebabkan kita berhutang masa dengan orang lain:

1. Kita maklumkan dalam telefon yang kita sudah dalam perjalanan, tetapi hakikatnya kita masih bersiap-siap di rumah.
2. Kita berjanji untuk berjumpa pada jam 10.00 pagi, tetapi kita terlewat tiba 30 minit.
3. Kita keluar dari rumah dan berjanji membelikan makanan untuk adik-adik, tetapi kita pulang ke rumah dengan tangan kosong.



Moga kita termasuk dalam golongan orang-orang yang sentiasa menepati janji, amin!



MISI SUPER MENJADI MUKMIN



Malunya!

Tadi di sekolah, cikgu tanya, "Apa cita-cita kamu semua?"

Kawan-kawan jawab, mahu jadi guru, jurutera, juruterbang, profesor, ahli perniagaan, dan macam-macam lagi.

Apabila tiba giliran saya, dengan jujur saya menjawab, "Saya mahu jadi SuperMukmin, cikgu!"

Muka cikgu terus berubah. "Siapa itu SuperMukmin?"

"SuperMukmin ialah hero dalam imaginasi saya, cikgu."

Kawan-kawan sekelas terus gelakkan saya, termasuklah kawan baik saya. Nasib baiklah cikgu tidak ketawa sekali. Cikgu senyum dan mengangguk saja, kemudian dia tanya murid lain pula.


Selepas tamat kelas, terus masuk waktu rehat. Cikgu datang ke meja saya dan bertanya, "Bagaimana rupa SuperMukmin?"

Saya bawa keluar kertas dan pensel. Kemudian saya lakarkan SuperMukmin seperti yang selalu saya bayangkan. Sambil itu saya terangkan tentang kuasa SuperMukmin, misi dia, hobi dia, makanan kegemaran, dan macam-macam lagi. Cikgu nampak berminat, membuatkan saya rasa ✨ bangga dan gembira.

"Moga Akim berjaya menjadi seorang SuperMukmin," ucap cikgu sambil senyum, membuatkan saya berasa terharu hingga hampir menitikkan air mata lelaki sejati.



Sejak itu, saya jadi lebih bersemangat untuk mengejar cita-cita menjadi SuperMukmin. Orang kata, gagal merancang itu merancang untuk gagal. Jadi saya mula membuat satu rancangan yang dinamakan Misi Menjadi SuperMukmin.

Tahap 1 Umur 10	Tahap 2 Umur 13	Tahap 3 Umur 16	Tahap 4 Umur 19	Tahap 5 Umur 22
Kekuatan				
Angkat beg sekolah	Angkat kampil beras	Angkat tong gas	Angkat tubuh umi	Angkat kereta!
Kepantasan				
Elak daun kering yang gugur	Elak percikan air hujan	Elak dirempuh semasa bermain bola sepak	Elak dimarah umi	Elak peluru!
Ketahanan				
Tahan gigitan semut	Tahan kesejukan tidur malam tanpa selimut	Tahan cakaran Oyen	Tahan leteran umi	Tahan serangan pihak musuh

Selepas siap menulis rancangan ini, baru saya perasan Kak Jaja sedang berdiri di sebelah saya. Segera saya tutup diari dan tanya Kak Jaja sejak bila dia ada di situ. Dia jawab, sejak 10 minit tadi.

“Kakak mahu panggil Akim turun makan pisang goreng. Tapi kakak lihat Akim sibuk semacam. Jadi, kakak tunggulah di sini sehingga Akim selesai,” ucap Kak Jaja.

“Adakah kakak ternampak semua yang Akim tulis?” tanya saya.

Kak Jaja menjawab, “Maaflah, kakak ternampak sekali imbas semua yang Akim tulis. Tidak berniat mahu baca diari Akim. Cuma itulah, kakak sudah terhafal semuanya.”

Aduhai, sekali lagi saya malu hari ini! Tidak sepatutnya rancangan ini diketahui orang lain, lebih-lebih lagi Kak Jaja. Saya yakin, puas Kak Jaja gelakkan saya dalam hati. Hu hu hu!

Tapi rupa-rupanya, kejadian ini ada hikmah yang besar.

Pada satu pagi, seperti biasa, Kak Jajakejut saya bangun untuk bersolat subuh. Namun, pagi itu terlalu nyaman dan dingin, menyebabkan saya tidak mampu bangun dari katil. Saya terus berselimut selesa.

Kak Jaja melaung dari balik pintu, “Akim, bagaimana kamu hendak angkat kereta kalau selimut pun kamu tidak mampu angkat?”

Terus mata saya segar. Betul juga. SuperMukmin apa kalau tidak mampu bangun bersolat subuh? Dengan sepenuh tenaga, saya menolak selimut yang berat dan membebaskan diri dari pelukan katil. Berjaya saya bangun bersolat subuh.

Kemudian, pada satu petang, saya menonton rancangan kartun kegemaran di televisyen. Tiba-tiba hujan turun lebat, menyebabkan siaran terganggu. Saya tutup TV dan campak alat kawalan TV ke sofa.





Kak Jaja ternampak perbuatan saya lalu menegur, "Apa gunanya kita mampu menahan peluru sekiranya tidak mampu menahan rasa marah? Nabi kata, orang yang kuat ialah orang yang mampu menahan marah."

Aduh, sekali lagi saya kena! Betul juga. SuperMukmin seorang yang penyabar dan tenang.

Saya perlu belajar mengawal kemarahan jika mahu menjadi seperti SuperMukmin. Bukannya tidak ada langsung perasaan marah, tetapi rasa marah perlu dikawal supaya tidak mendatangkan keburukan.

Kemudian pada satu hari, semasa saya sedang berbual-bual dengan Kak Jaja, tiba-tiba dia berkata, "Akim, kakak tahu kamu benar-benar mahu menjadi SuperMukmin. Itu satu cita-cita yang besar dan berani. Tetapi, kamu juga perlu berpijak di bumi nyata. SuperMukmin ialah seorang adiwira dengan kekuatan luar biasa. Akim pula manusia biasa. Berlatih sekuat mana pun, tidak mungkin Akim mampu mengangkat kereta dan menahan peluru pistol."

"Jadi, adakah saya perlu lupakan SuperMukmin?" tanya saya.

"Akim boleh biarkan SuperMukmin terus hidup dalam imaginasi. Tapi Akim sendiri perlu ubah sedikit cita-cita dan misi. Apa kata, Akim ubah kepada 'Misi Menjadi Mukmin'?"

"Tidak perlu tahan serangan musuh. Cukup menahan marah, menahan diri daripada berkata perkara buruk, menahan lapar dan dahaga semasa berpuasa."





“Tidak perlu angkat kereta. Cukuplah Akim angkat selimut untuk bangun solat subuh, angkat takbir, angkat al-Quran untuk dibaca.”

“Tidak perlu elak peluru. Yang lebih penting ialah elak daripada

melakukan maksiat dan dosa. Elakkan menyakiti hati orang lain.”

Saya mengangguk saja mendengar nasihat kakak. Ustazah di sekolah pernah berkata, nasihat umpama ubat. Pahit dan tidak sedap, tetapi boleh sembuhkan penyakit, dengan izin Allah.

Terima kasih Kak Jaja kerana menyedarkan diri ini.


Terima kasih Allah kerana lorongkan bantuan.

Di sekolah, saya maklumkan kepada cikgu, “Cikgu, saya sudah ubah cita-cita. Saya tidak lagi mahu menjadi SuperMukmin. Saya sedar, saya manusia biasa.”

“Jadi, apa cita-cita kamu sekarang?” soal cikgu.

“Saya mahu jadi seorang mukmin. Tiada kuasa luar biasa. Cukup dengan memiliki sifat-sifat orang mukmin. Cikgu doakan saya, ya.”

Cikgu senyum dan mengangguk. “Moga Akim berjaya mencapai cita-cita itu, amin!”



PENGENALAN

Bolehkah manusia berjalan merentas masa seperti yang ditunjukkan dalam karya-karya fiksiyen sains? Bolehkah manusia sesuka hati mengembara ke masa lalu dan masa hadapan seperti dalam komik Doraemon? Mampukah manusia mencipta mesin masa?

Dalam al-Quran dan hadis, ada disebutkan beberapa cerita berkaitan merentas masa. Ada manusia bergerak ke masa hadapan sejauh 100 dan 300 tahun. Ada juga manusia terpilih dikatakan mampu hidup merentas zaman.

Semua ini ialah bukti, iaitu jika Allah izinkan, manusia mampu bergerak merentas masa. Tiada yang mustahil sekiranya Allah berkehendakkan sesuatu.

Mari kita lihat satu per satu kisah benar berkaitan masa yang diceritakan dalam al-Quran dan hadis.

KISAH PEMUDA ASHABUL KAHFI

Pada satu masa dahulu, ada tujuh orang pemuda hidup di bawah pemerintahan seorang raja yang zalim. Para pemuda itu dipanggil menghadap raja dan dipaksa menyembah berhala. Mereka menolak paksaan itu dan memilih untuk percaya pada Allah. Raja mengugut mahu menjatuhkan hukuman mati ke atas mereka, lalu mereka melarikan diri.

Semasa dalam perjalanan, mereka terjumpa sebuah gua. Mereka bertujuh bersembunyi di dalam gua itu dan tertidur. Seekor anjing yang mengekori mereka telah menjaga pintu gua. Pemuda-pemuda itu tertidur bukannya 3 minit atau 3 jam, tetapi selama 309 tahun!

Sepanjang mereka tidur, Allah telah menjaga mereka. Kulit mereka tidak dirosakkan sinaran matahari. Tubuh mereka tidak ditimbus tanah. Mereka tidak diganggu haiwan berbahaya dan berbisa. Allahuakbar!

Selepas mereka terjaga, mereka meneka berapa lama mereka sudah tertidur. Ada yang meneka sehari, ada juga yang meneka kurang daripada sehari. Mereka tidak tahu bahawa mereka sudah tertidur lebih 300 tahun!


Mereka berasa lapar, lalu salah seorang antara mereka keluar membeli makanan. Apabila pemuda itu pergi ke pasar, dia sangat terkejut. Wang yang dibawa untuk membeli makanan sudah tidak sah digunakan. Raja zalim yang memerintah pula sudah lama meninggalkan dunia dan digantikan raja yang alim.

Cerita ini dinamakan Ashabul Kahfi (pemuda gua) dan terkandung dalam al-Quran, iaitu surah al-Kahfi, ayat 9 hingga 26.

Allah telah menyelamatkan pemuda-pemuda gua itu daripada cengkaman raja zalim. Mereka dibawa ke masa hadapan iaitu pada zaman pemerintahan raja yang baik dan alim. Betapa besarnya kekuasaan Allah!

Fakta Menarik:

1. Kita boleh pergi melawat gua Ashabul Kahfi yang terletak di negara Jordan (salah satu negara Arab).
2. Sesiapa menghafal 10 ayat pertama surah al-Kahfi, dirinya terpelihara daripada dajal (Hadis riwayat Muslim).



KISAH LELAKI YANG TIDUR 100 TAHUN

Pada satu masa dahulu, ada seorang lelaki bersama keldainya berjalan memasuki sebuah kampung yang kosong. Di kampung itu, rumah-rumah telah runtuh, tiang-tiang roboh, pokok-pokok sudah mati, dan tulang-tulang di dalam kubur sudah mereput menjadi tanah.


Lalu terlintas dalam fikiran lelaki itu satu persoalan, iaitu bagaimana Allah menghidupkan semula semua yang sudah binasa?

Lelaki itu tertanya bukan kerana ragu-ragu terhadap kekuasaan Allah, tetapi kerana mahu menambah keimanan.

Kemudian, lelaki itu berasa mengantuk dan tertidur. Niatnya mahu tidur cuma sebentar, tetapi Allah telah menidurkan lelaki itu selama 100 tahun!

Apabila terjaga, lelaki itu sangka dia tidur cuma sehari. Dia terkejut apabila dimaklumkan sudah tidur selama 100 tahun. Makanan dan minuman yang dibawa masih elok. Namun begitu, keldai peliharaannya sudah mati mereput dan cuma meninggalkan tulang.

Lalu Allah memperlihatkan bagaimana keldai itu dihidupkan semula, iaitu tulang-belulang kembali bercantum, dibalut daging, akhirnya kembali hidup seperti sebelumnya. Lelaki itu memuji kebesaran Allah SWT.



Ada sumber mengatakan, lelaki itu bernama Uzair. Ada yang mendakwa Uzair seorang Nabi, namun hakikat sebenarnya hanya Allah yang tahu.

Selepas terjaga dari lena yang begitu panjang, Uzair kembali ke umatnya tetapi tidak dikenali sesiapa, kecuali seorang wanita berusia 120 tahun.

Fakta Menarik:

1. Nama 'Uzair' ada disebut sekali saja dalam al-Quran, iaitu dalam surah at-Taubah, ayat 30.
2. Selepas bangun dari lena yang panjang, Uzair menulis semula kitab Taurat yang ketika itu sudah dibakar semuanya oleh raja yang zalim.

KISAH SEORANG NABI YANG MELIHAT MASA HADAPAN

Dalam surah al-Kahfi, ada satu lagi kisah yang menarik dan penuh pengajaran, iaitu pengembaraan Nabi Musa bersama-sama Nabi Khidir.

Ramai orang mengenali Nabi Musa. Baginda telah berhadapan dengan Firaun dan ahli-ahli sihir demi menegakkan agama Allah. Baginda juga mendapat peluang bercakap secara terus dengan Allah SWT. Bayangkan betapa tinggi darjat Nabi Musa sebagai salah seorang daripada lima rasul Ulul Azmi (gelaran paling mulia dalam kalangan nabi dan rasul).

Namun begitu, apabila Nabi Musa bertemu dengan Nabi Khidir, Nabi Musa pula yang mengambil pelajaran daripada Nabi Khidir.

Kisahanya begini. Pada satu masa, Nabi Musa ditanya oleh kaumnya, siapakah orang yang paling banyak ilmu di dunia?

Nabi Musa menjawab, dialah yang paling banyak ilmu.

Kemudian Allah menurunkan wahyu kepada Nabi Musa, mengatakan bahawa ada hamba-Nya yang lebih pandai daripada Nabi Musa. Allah memberitahu cara untuk bertemu hamba-Nya itu. Maka Nabi Musa, ditemani anak muridnya, memulakan perjalanan mencari hamba Allah itu.

Selepas jauh berjalan, akhirnya Nabi Musa bertemu juga hamba Allah itu, yang bernama Nabi Khidir. Nabi Musa meminta izin untuk mengekori Nabi Khidir supaya dapat berguru dan belajar. Nabi Khidir mengizinkan dengan satu syarat, iaitu tidak boleh persoalkan perbuatan Nabi Khidir sepanjang perguruan, dan Nabi Musa bersetuju. Maka kembara mereka bermula.

Nabi Musa dan Nabi Khidir menumpang naik sebuah perahu. Mereka dibenarkan menumpang secara percuma tanpa perlu membayar tambang. Apabila mereka hampir tiba di destinasi, tiba-tiba saja Nabi Khidir membocorkan perahu itu. Nabi Musa terkejut melihat perbuatan itu dan terus mempersoal. Nabi Khidir mengingatkan Nabi Musa untuk bersabar dan tidak bertanya apa-apa lagi.

Selepas turun dari perahu, mereka berjalan dan terserempak sekumpulan kanak-kanak yang sedang bermain-main. Tiba-tiba Nabi Khidir merapati salah seorang kanak-kanak dan membunuhnya! Nabi Musa terkejut bukan kepalang, menyebabkan secara spontan baginda bertanya punca tindakan itu. Sekali lagi Nabi Khidir memberi amaran kepada Nabi Musa, iaitu sekiranya baginda mahu berguru, usah persoalkan tindakannya. Nabi Musa diberi peluang terakhir dan mereka teruskan perjalanan.

Mereka berdua tiba di satu negeri dan meminta makanan daripada penduduknya. Namun begitu, mereka tidak diberi makanan. Kemudian mereka berdua singgah di sebuah rumah yang senget dan dindingnya hampir roboh. Nabi Khidir telah membaiki dinding itu hingga tegak semula. Nabi Musa mempersoalkan tindakan itu.

Akhirnya, Nabi Khidir menjelaskan semuanya.



Nabi Khidir membocorkan perahu yang mereka naiki supaya perahu itu tidak dirampas oleh seorang raja. Raja itu berada tidak jauh dari perahu itu dan akan merampas semua perahu yang sempurna.

Nabi Khidir membunuh kanak-kanak itu kerana apabila dia sudah dewasa, dia akan memaksa ibu bapanya melakukan perkara yang zalim dan kufur. Maka selepas kanak-kanak itu meninggal, Allah akan menggantikan dengan anak yang lebih baik.



Nabi Khidir memperbaiki dinding rumah yang senget, kerana di bawah dinding itu ada tertanam harta peninggalan. Harta itu dimiliki dua orang anak yatim yang masih kecil. Bapa mereka ialah orang yang baik dan soleh. Maka Allah mahu apabila dua orang anak yatim itu sudah dewasa, mereka dapat gali keluar harta yang tertanam.

Selepas dijelaskan, barulah Nabi Musa faham semuanya. Benarlah seperti yang diwahyukan oleh Allah, iaitu Nabi Khidir memiliki lebih banyak ilmu. Namun begitu, semua ilmu itu datangnya daripada Allah. Sehebat mana pun seseorang manusia, tetap saja tarafnya ialah hamba di sisi-Nya.

WAKTU DI AKHIRAT

Antara 10 minit bermain permainan komputer dan 10 minit menghadap leteran, adakah sama tempohnya?

Antara 10 minit duduk di atas sofa empuk dan 10 minit berdiri di bawah terik matahari, adakah sama tempohnya?

Kalau ikut logik, tentulah sama. 10 minit bersamaan 600 saat. Tidak kisah perbuatan yang kita lakukan, 10 minit tetap bersamaan 600 saat.

Tetapi realitinya, 10 minit bermain permainan komputer atau duduk di atas sofa empuk dirasakan terlalu sekejap. 10 minit menghadap leteran atau berdiri di bawah terik matahari pula dirasakan terlalu lama.

Satu tempoh masa, contohnya 600 saat, boleh dirasakan terlalu lama atau terlalu sekejap, bergantung pada situasi dan keadaan.

Ada satu ayat dalam al-Quran yang maksudnya begini, "...Sesungguhnya sehari dari hari-hari azab di sisi Tuhanmu adalah menyamai seribu tahun dari yang kamu hitung." (Surah al-Hajj, ayat 47)

Allah kata, satu hari diazab pada hari akhirat nanti bersamaan seribu tahun waktu di dunia.

1 hari di akhirat = 1,000 tahun di dunia

Bayangkan kita hidup hingga 60 tahun di dunia. Tentu kita rasa sudah lama hidup, bukan? Tubuh pun sudah lemah, rambut sudah menjadi putih. Tapi, 60 tahun di dunia ini sebenarnya seumpama kurang dua jam di akhirat.

Kalau kita diazab seksa selama dua jam di akhirat, perasaannya seperti diseksa lebih 60 tahun di dunia!


Bayangkan kalau kita diseksa dalam api neraka selama 1 tahun akhirat, atau 10 tahun akhirat, atau selama-lamanya?

Allahuakbar!

Hidup di dunia sekejap saja sebenarnya.

"Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan sedikit masa sahaja, kalau kamu dahulu mengetahui hal ini (tentulah kamu bersiap sedia)." (Surah al-Mukminun, ayat 114)

Kalau kita hidup di dunia hingga usia 60 - 70 tahun, kita cuma ada kurang 2 jam waktu akhirat. Masih mahu bazirkan masa?



MENCELA MASA



Hari ini mahu siapkan kerja sekolah sambil tonton TV.



Dari jam 2.00 hingga 4.00 petang, sibuk tonton TV saja.

Asyik tengok TV. Bilanya mahu buat kerja?



Jam 4.10 petang baru mula buat kerja sekolah.

Oh, ingatkan sudah lupa kerja sekolah!



Jam 4.15 petang

Eh? Sudah petang? Sudah hampir asar?

Cepatnya masa berlalu! Ish, tak cukuplah 24 jam sehari! Patutnya ada 30 jam!



Akim, jangan cakap begitu! Itu namanya mencela masa!

Kak Jaja!



Baca hadis ini dan fahamkan!

Larangan Mencela Masa

Diriwayatkan oleh Rasulullah ﷺ, dia berucap: *Barang siapa mencela masa, Allah akan mencelanya.*

Alah Zulfarhan: "Anak Adam tidak menyakiti, dia akan mencela masa. Rasulullah Allah berucap: *maka mencela masa itu menyakiti Allah dan Allah menyakiti orang yang mencela masa.*"

Contoh Mencela Masa

- "Ya Allah, aku telah mencela masa."
- "Ya Allah, aku telah mencela masa."
- "Ya Allah, aku telah mencela masa."

Astaghfirullah, saya baru tahu! Selepas ini saya tak akan lagi cakap begitu.



Menelan darah yang berada di dalam mulut ketika solat



Tidak dibenarkan menelan darah kerana ia merupakan najis kotoran yang haram ditelan dan diminum. Bahkan dalam Mazhab Syafie menyebut, perbuatan makan dan minum termasuklah menelan darah boleh membatalkan solat sekiranya dibuat secara sengaja dan kuantitinya banyak walaupun pelakunya tidak mengetahui perihal keharamannya.

Sebagai jalan keluar, hendaklah menyediakan kain seperti sapu tangan, tisu, dan sebagainya sebelum memulakan solat. Kemudian, darah yang penuh diludah pada kain yang dibawa bersama. Seterusnya, lipat dan tutup kain tersebut supaya darah tersebut tidak terkeluar.

Sebaiknya diasingkan kain tersebut daripada anggota badan sebagai langkah paling berjaga-jaga (ahwat). Namun, sekiranya dikhuatiri mengotori kawasan masjid, maka dibolehkan untuk menyimpan kain tersebut dalam kocek seluar, kocek baju dan sebagainya, dan solatnya tetap sah.

Pada masa yang sama, sekiranya pendarahan berlaku sebelum solat didirikan, sebaiknya menunggu darah tersebut berhenti terlebih dahulu lebih-lebih lagi dalam keadaan waktu solat masih panjang. Sekiranya waktu sudah terhad, boleh lakukan seperti yang dicadangkan di atas.

Sumber: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4854-irsyad-al-fatwa-siri-ke-589-hukum-menelan-darah-yang-berada-di-dalam-mulut-ketika-solat>



Hukum *prank* dalam Islam

Hukum asal bagi gurauan atau *prank* adalah dibolehkan selagi gurauan tersebut tidak melampau dan boleh diterima oleh orang yang diajak bergurau.

Sekiranya gurauan tersebut melampau seperti menipu orang lain, menakut-nakutkan, membuka aib di hadapan orang ramai, dan tidak boleh diterima oleh orang yang diguraukan, maka itu adalah perbuatan yang haram dan dilarang melakukannya. Tambahan lagi, video *prank* yang dirakam tersebut di muat naik ke dalam media sosial dan ditonton oleh pengguna-pengguna lain, sekaligus menyebarkan aib seseorang yang menjadi mangsa.

Oleh kerana itu, dinasihatkan agar mengelakkan daripada menghasilkan video-video atau *content prank* sedemikian yang boleh menjatuhkan maruah orang lain dan menyebarkan aibnya kepada masyarakat umum.

Sebaiknya, video-video atau *content* sedemikian perlu digantikan dengan video-video lain yang boleh memberi manfaat kepada penonton serta dapat memberikan pengajaran.

Sumber: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4785-irsyad-al-fatwa-siri-ke-566-hukum-prank-dalam-islam>



Hukum menjana pendapatan menerusi *live streaming*

1. Hukum asal menjana pendapatan daripada aktiviti *live streaming* Facebook adalah harus.
2. Hukum berubah menjadi makruh atau haram sekiranya seseorang itu mengabaikan solat dan kewajiban lain, tidak menutup aurat, bercakap buruk, dan lain-lain.
3. Sebaiknya utamakan kesihatan dan jalani gaya hidup sihat.
4. Ambil kesempatan menyebarkan kebaikan semasa *live streaming* dengan mengajak para penonton melakukan amalan yang baik.

Sumber: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4650-irsyad-al-fatwa-series-544-the-ruling-of-a-streamer-generating-income-through-live-streaming>



... dapat kami simpulkan bahawa, harus membaca al-Quran melalui telefon bimbit tanpa berwuduk. Ini kerana, aplikasi al-Quran tidak boleh dihukum sebagai mushaf al-Quran kerana ianya hanya tulisan yang dipapar melalui skrin dan kemudiannya hilang, bahkan tidak kekal, berbeza daripada yang ditakrifkan oleh para ulama dengan mushaf al-Quran yang hakiki.

Namun, disunatkan untuk berwuduk ketika membaca al-Quran serta menjaga adab-adab ketika membaca al-Quran yang digariskan oleh para ulama seperti menutup aurat, menghadap kiblat, dan membersihkan mulut.

Sumber: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4443-irsyad-al-fatwa-siri-ke-496-bolehkah-membaca-al-quran-di-dalam-telefon-bimbit-tanpa-berwuduk>



SAINTIS yang Bertaubat

Tahun 2222.

Dunia sudah berubah. Manusia yang menghuni bumi pada waktu itu juga jauh berbeza daripada manusia pada masa kini.

Pada waktu itu, sudah wujud alat-alat ciptaan seperti mesin teleportasi, alat kawalan fikiran, dan otak superkomputer, membuatkan manusia sentiasa hidup bersenang-lenang. Ekonomi berkembang terlalu pesat hingga tidak lagi wujud orang miskin. Manusia sibuk mencari keseronokan sehingga terlupa tujuan asal mereka lahir ke dunia.

Pada satu malam, turun hidayah ke dalam hati seorang saintis. Nama dia Zoul, berumur genap 40 tahun dan memiliki akal genius. Siang dan malam dia mengabadikan hidup hanya untuk kajian dan penyelidikan saintifik.


Malam itu ialah salah satu malam terakhir pada bulan Ramadan. Zoul sedang berehat di beranda rumahnya. Semasa leka melihat langit berbintang, tiba-tiba terlintas persoalan dalam benaknya.

"Sudah beratus-ratus tahun teori letupan Big Bang diusulkan, tetapi mengapa masih tiada jawapan tentang apa atau siapa yang memulakan Big Bang?"

"Alam semesta begitu luas, tetapi mengapa bumi saja yang ada makhluk hidup?"

"Jangka hayat manusia ketika ini sudah mencecah 120 tahun, tetapi apakah tujuan manusia hidup? Adakah sekadar berseronok?"

Zoul pergi ke rak buku tinggalan ayahnya dan mencari buku yang boleh menjawab persoalan dia. Matanya tertarik pada satu buku kecil yang bersawang dan berdebu. Dia menarik keluar buku itu dan melihat kulit hadapan.



"Al-Quran?"

Seumur hidupnya, itulah kali pertama dia memegang al-Quran. Dia duduk di sofa dan membaca satu demi satu ayat terjemahan. Berkerut-kerut kening Zoul berfikir selepas menghayati ayat-ayat dalam al-Quran. Dia membuat carian dalam Internet berkenaan al-Quran dan terkejut apabila mendapat tahu bahawa kitab suci itu sudah wujud lebih seribu tahun dahulu.

"Kalau direnungi isi kitab ini, ada terkandung banyak fakta sains. Yang menghairankan, ada fakta yang baru saja dibuktikan menerusi kajian saintifik. Bagaimana boleh tertulis dalam kitab yang berusia lebih 1,500 tahun?"

Maka dari situ, Zoul yakin dan percaya, kitab al-Quran bukanlah tulisan manusia, tetapi merupakan kalam Pencipta manusia. Malam itu juga, Zoul yakin dan percaya, manusia lahir ke muka bumi bukanlah sekadar untuk berseronok, tetapi ada tujuan yang lebih besar dan suci.

Esoknya, Zoul mencari guru agama supaya dapat mendalami al-Quran. Pada zaman itu, mencari guru agama seumpama mencari senaskah buku di dasar laut. Sukar dan mencabar. Namun akhirnya, Zoul bertemu juga seorang lelaki alim yang tinggi pengetahuan dalam agama. Dari situ, Zoul belajar tentang Islam dan berusaha menjadi seorang mukmin.

Namun menjadi seorang mukmin pada era itu tidak mudah. Maksiat berleluasa di merata tempat. Para wanita berjalan ke sana dan sini dalam pakaian yang mendedahkan kulit. Zoul terpaksa berjalan dengan wajah tertunduk demi menjaga pandangan.

Hingga pada satu masa, Zoul hilang sabar. Dia tidak lagi mahu matanya dikotori aurat wanita yang terdedah. Maka Zoul membuat pembedahan ke atas matanya sendiri. Dia memasang cip pemproses mikro pada kedua-dua mata.



Kini, mata dia dapat menapis sebarang aurat yang terlihat, sama ada aurat lelaki mahu pun perempuan. Apabila dia terpandang wanita yang berpakaian jarang, secara automatik mata dia menapis bahagian aurat, dan hanya menampakkan bahagian muka.

“Alhamdulillah. Kini hati aku lega dan pandanganku terjaga.”

Namun ada satu lagi masalah. Zoul sudah terbiasa berhibur di kelab-kelab malam. Pada satu malam, Zoul bertandang ke sebuah kelab malam dan berhibur sepuasnya. Dia terlupa azam barunya untuk menjadi seorang mukmin. Keesokan hari, dia menangis kerana menyesali perbuatan itu dan bertaubat bersungguh-sungguh.

“Aku tidak mahu ulangi kesalahan sama. Aku tidak mahu singgah di kelab malam dan mana-mana tempat yang dipenuhi kemungkaran. Oleh sebab itu, aku akan bedah kaki aku!”

Maka, Zoul telah membedah kaki sendiri dan memasang peranti komputer pada kedua-duanya. Sejak itu, Zoul tidak lagi pergi ke kelab malam. Setiap kali kaki dia melangkah ke arah kelab malam dan tempat maksiat, secara automatik kaki dia menjadi berat dan tidak bergerak. Apabila dia menghalakan tubuh dari kelab malam, barulah kaki dia boleh kembali bergerak.

Beberapa bulan kemudian, Zoul menziarahi gurunya. Guru dia terkejut melihat susuk tubuh Zoul yang sudah berubah menjadi separuh robot.

“Apa yang kau sudah lakukan, Zoul?” soal gurunya. “Mengapa kau ubah dirimu menjadi robot?”

Zoul membalas, “Jikalau dengan menjadi robot, saya tidak lagi membuat dosa dan kemungkaran, maka saya rela, tuan guru. Kini, mataku tidak lagi dapat melihat aurat wanita bukan mahram, mulutku tidak lagi boleh mengumpat, kaki dan tanganku tidak lagi boleh membuat kemungkaran.”

“Moga Allah berikan kau syurga, anak muridku,” balas gurunya dengan air mata bercucuran.





HIDUP BUKAN PERLUMBAAN

Pernah terfikir soalan-soalan begini?

“Kawan aku sudah hafal semua sifir. Aku sudah berusaha kuat tetapi belum dapat hafal.”

“Jiran aku berjaya lanjutkan pelajaran di sekolah berasrama penuh. Aku pula bersekolah biasa saja.”

“Sepupu aku berjaya dapat semua A dalam UPSR. Aku pula dapat 2 A saja.”

“Anak kawan mak aku berjaya jadi wakil negeri dalam sukan bola sepak. Aku pula kaki bangku.”

Semua di atas ialah contoh persoalan **membanding-banding**.

Tabiat manusia memang suka membanding-banding. Kita sering membandingkan diri dengan orang lain. Apabila orang lain lebih baik dan hebat, kita berasa kecewa dengan diri sendiri.

Sesekali membanding-banding dengan orang lain, tiada masalah. Khususnya kalau kita mahu cari inspirasi atau motivasi. Contohnya, kita tiada semangat belajar. Kita pergi melihat kawan kita yang sedang rajin belajar. Dari situ, kita boleh dapat inspirasi untuk rajin belajar juga.

Akan tetapi, jika kita terlalu banyak membanding-banding, boleh tercetus kesan buruk. Kita boleh ditimpa rasa rendah diri, lemah semangat, dan kecewa.

4

tips mengelakkan diri daripada selalu membanding-banding dengan orang lain:

Yakin bahawa setiap manusia ada jalan kejayaan tersendiri. Kawan kita menjadi seorang profesor, kita pula pelukis komik. Adakah kawan kita berjaya manakala kita gagal? Tidak. Semua orang ada cara sendiri untuk berjaya.


Fahami maksud 'berjaya' dan 'kejayaan'. Siapakah orang yang berjaya? Adakah orang yang kaya? Adakah orang yang bijak pandai? Bagaimana pula orang yang kaya-raya tetapi tidak bersolat dan masuk ke dalam neraka? Adakah orang itu dikira berjaya?

Sebagai orang Islam, kejayaan sebenar ialah apabila kita berjaya melangkah masuk ke dalam syurga. Tidak kisahlah kita orang miskin, kaya, anak raja atau anak nelayan, apabila kita berjaya masuk ke dalam syurga, kita ialah orang yang berjaya!

Elakkan berlumba-lumba pada perkara duniawi. Contoh perkara duniawi ialah jumlah wang dalam akaun, bilangan A pada sijil, jumlah markah pada kertas ujian. Kalau mahu berlumba, biar dalam perkara yang mendatangkan pahala seperti berlumba-lumba mendapatkan saf pertama dalam solat jemaah, bersedekah paling banyak, dan lain-lain kebaikan. Kejar redha Allah, bukan manusia lain.

Pandang orang yang lebih rendah pencapaian. Contohnya, kalau kita rasa diri kita miskin, pandang orang yang lebih miskin. Kalau kita kecewa dapat 1 A dalam ujian, pandang orang yang tidak dapat 1 A. Pandang orang yang lebih rendah pencapaian, bukannya untuk mengejek atau berasa kasihan, tetapi supaya ada rasa syukur dalam hati.





Nabi Muhammad SAW dilahirkan dalam keadaan yatim piatu. Bukannya berketurunan raja, bangsawan atau hartawan. Malah ada pengkaji mengatakan, baginda seorang buta huruf iaitu tidak tahu membaca dan menulis.

Hanya pada usia 40 tahun, baginda dilantik menjadi seorang rasul. Sejak itu, baginda diangkat menjadi pemimpin umat Islam. Bermula daripada seorang umat Islam, kini sudah ada berbilion-bilion umat Islam di seluruh dunia. Setiap detik, ada orang mendoakan baginda dan berselawat ke atas namanya. Masya-Allah!

Nabi Muhammad SAW juga dikira lambat mengecap kejayaan di dunia. Adakah baginda dianggap tidak berjaya? Sudah tentulah tidak. Baginda ialah orang yang paling berjaya di dunia dan akhirat.

Oleh itu, usah rasa kecewa jika kita belum mengecap kejayaan. Belum berjaya bukan bererti gagal, cuma belum sampai masa untuk berjaya. Teruskan berusaha di jalan yang betul, berdoa, dan berserah pada Allah.



ALLAHYARHAM AHMAD AMMAR

Ahmad Ammar meninggal dunia pada usia yang amat muda, iaitu 20 tahun. Namun, kematian beliau telah memberikan inspirasi kepada berjuta-juta manusia lain.

Mengapa begitu? Meskipun Ahmad Ammar meninggal pada usia muda, banyak perkara hebat telah beliau lakukan, iaitu:

1. Mendapat 9 A dalam SPM
2. Menguasai bahasa Turki
3. Menjadi guru Risalah An-Nur di Istanbul, Turki
4. Ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang aktif
5. Menjadi sukarelawan dalam program kemanusiaan di Syria, Kemboja dan Indonesia

Selepas meninggal dunia, beliau dikuburkan di Perkuburan Eyub Sultan. Tanah perkuburan ini turut menempatkan jasad sahabat Nabi, auliya', panglima Uthmaniyyah, dan ramai lagi orang kenamaan.

Jangka hayat Ahmad Ammar pendek saja tetapi berkat. Sekejap saja hidupnya, tetapi impak yang dibawa besar sekali. Inilah satu kebaikan apabila kita memanfaatkan masa sebaiknya. Apabila setiap saat itu kita dedikasikan dengan mencari redha Allah, insya-Allah usia kita lebih diberkati.



Tips Menjaga Waktu Solat

Apa Kita Akan Jawab di Hadapan Allah?

Kita mungkin baik hati, suka bersedekah, gemar membantu ibu bapa, dan rajin mengulangkaji pelajaran. Di dunia ini, kita mungkin sudah lakukan banyak amalan baik dan berpahala.

Akan tetapi, di dalam kubur nanti, apakah amalan pertama yang akan ditanya?

Jawapannya, solat.

Pada hari akhirat nanti, apakah amalan pertama yang akan dinilai?

Jawapannya, solat.

Bayangkan situasi ini: Di dunia, kita sudah bersedekah sebanyak berjuta-juta ringgit. Kita sudah bina banyak masjid dan surau. Kita sudah berjaya mencapai impian dan kejayaan hidup. Tetapi, pada hari akhirat, apabila kita berdiri di hadapan Allah, soalan pertama yang Allah tanya kita ialah berkenaan solat. Semua amalan yang lain itu tidak dipandang.

Apa kita akan jawab, sekiranya kita tidak menjaga solat?



Sudah Bersolat tetapi Berdosa dan Masuk Neraka?



Jika kita jenis bersolat penuh setiap hari, alhamdulillah.

Tapi jangan rasa diri kita sudah layak melangkah masuk ke dalam syurga, khususnya kalau kita jenis yang melakukan solat dalam keadaan LALAI.

Lalai bersolat bukan bermaksud tidak melakukan solat.

Lalai bersolat bukan bermaksud tidak khushyuk semasa bersolat.

Firman Allah SWT dalam salah satu surah lazim yang sering kita baca:

قَالَ تَعَالَى: ﴿فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ﴾
﴿الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ﴾

Maksudnya: (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang. (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya.

(Surah al-Ma'un: 4-5)

Nabi SAW bersabda, orang yang melalaikan solat ialah orang yang sengaja melambat-lambat solat. Golongan ini digelar musallin. Mereka bersolat penuh, tetapi disebabkan mereka bersolat pada akhir waktu, maka mereka dimasukkan ke dalam neraka Wail.

Sudah bersolat penuh pun masuk ke dalam neraka.

Apatah lagi jika langsung tidak bersolat.

Allahuakbar! Allahuakbar!

Tiga Tips Solat Awal Waktu



Rasa Takut

Kalau tiada rasa takut, baca semula artikel ini dari awal. Baca berulang kali. Sekiranya masih tidak takut, maka cuba tanya balik kepada diri. Adakah kita masih seorang Muslim atau Muslimah? Salah satu syarat menjadi Muslim ialah percaya sepenuhnya bahawa wujud syurga, neraka dan hari pembalasan.

Ambil Wuduk Sebelum Masuk Waktu


Ini satu tips yang mudah tetapi berkesan, iaitu beberapa minit sebelum masuk waktu, ambil wuduk dahulu. Bentang kain sejadah. Kemudian buatlah apa saja pekerjaan yang sedang dilakukan. Apabila azan berkumandang, insya-Allah kita lebih mudah bangun untuk bersolat, kerana semuanya sudah dipersiapkan.

Jaga Solat Subuh

Subuh ialah solat pertama setiap hari. Ini waktu solat yang paling mencabar, kerana tempoh waktunya pendek dan pada awal pagi. Jika setiap hari dimulakan dengan meninggalkan solat subuh (sama ada sengaja atau tidak), maka kita mudah juga meninggalkan waktu-waktu solat lain. Namun jika kita cemerlang pada waktu solat subuh, insya-Allah kita rasa sayang untuk melalaikan waktu-waktu solat yang lain.

Sama-sama kita cuba tiga-tiga tips ini. Moga kita tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang lalai dalam mengerjakan solat, amin!



Masa / Hari	Isnin - Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
5.00 pagi	Bangun tidur Nota: Perlu usahakan bangun awal pagi dan bersolat pada awal waktu, walaupun pada hari cuti sekolah. Malaikat tetap bekerja mencatat dosa dan pahala pada hari cuti.			
5.00 - 6.00 pagi	Solat tahajjud, mengaji al-Quran, solat sunat sebelum subuh, dan solat subuh. Nota: Solat sunat dua rakaat sebelum subuh itu lebih baik daripada seluruh isi dunia. 			
6.00 - 7.00 pagi	Kemas bilik dan bersiap-siap ke sekolah			Kemas bilik
7.00 - 8.00 pagi	Di sekolah	Di sekolah	Aktiviti di sekolah	Bantu umi
8.00 - 9.00 pagi				Solat dhuha
9.00 - 10.00 pagi				Luangkan masa bersama keluarga
10.00 - 11.00 pagi				
11.00 pagi - 12.00 tengah hari				
12.00 tengah hari - 1.00 petang			Bantu umi di dapur	



Masa / Hari	Isnin - Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
1.00 - 2.00 petang	Qailulah (tidur sekejap sebelum zuhur), solat sunat, dan solat zuhur.			
2.00 - 3.00 petang	Siapkan kerja sekolah		Membaca buku! <3	
3.00 - 4.00 petang	Solat sunat dan solat asar			
4.00 - 5.00 petang	Bersukan dan beriadah Nota: Kesihatan ialah nikmat besar yang Allah kurniakan. Jika badan tidak sihat, kita susah fokus semasa beribadah. Cergas badan, insya-Allah cerdas fikiran.			
5.00 - 6.00 petang	Bersukan dan beriadah			
6.00 petang - 7.00 malam	Bersihkan diri, berehat, dan bersiap-siap untuk solat maghrib.			
7.00 - 8.00 malam	Solat sunat, solat maghrib, dan mengaji al-Quran.			
8.00 - 9.00 malam	Solat sunat dan solat isyak			
9.00 - 10.00 malam	Ulangkaji pelajaran dan mengemas beg	Ulangkaji pelajaran	Siapkan kerja sekolah	Bersiap-sedia untuk hari sekolah
10.00 malam	<p>Baca surah al-Mulk, ambil wuduk, dan masuk tidur</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perlu usahakan tidur awal setiap hari supaya tidak terlajak tidur hingga terlewat solat subuh. 2. Baca al-Mulk supaya terhindar daripada seksaan kubur. 3. Ambil wuduk sebelum tidur, seperti yang disarankan oleh Nabi SAW. Mudah-mudahan tidak alami mimpi buruk mainan syaitan. 4. Jika rasa penat, ingatlah kata-kata ustaz: 'Dunia bukan tempat berehat, tetapi tempat beribadah.' 			




Sewaktu menunggu umi habis masak, atau semasa menunggu guru masuk ke dalam kelas, atau semasa dalam perjalanan ke sekolah, atau semasa menunggu apa-apa saja, basahkan lidah dengan zikir supaya masa tidak terbuang sia-sia.

Setiap saat yang Allah beri itu amat bernilai. Atas sebab itu, jangan buang masa. Sentiasa isi masa dengan perkara bermanfaat.

Setiap saat itu Allah beri percuma saja, tetapi jika disia-siakan, sebanyak mana duit pun tidak cukup untuk membelinya semula.

Sewaktu cuti sekolah, usah leka dan terlalu bergembira. Gunakan masa cuti untuk tambah kemahiran baru dan tambah baik kemahiran sedia ada. Ambil juga peluang untuk menghafal surah-surah baru dalam al-Quran.





Celik
Doa

DOA PARA NABI

Doa Nabi Ayub a.s

قَالَ تَعَالَى ﴿۸۳﴾ وَيُؤُوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَ أَنَّى مَسَّنِيَ
الضَّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ﴿۸۳﴾

"Ya Allah, sesungguhnya aku telah
ditimpa penyakit, dan Engkau adalah
Tuhan Yang Maha Penyayang di antara
semua penyayang."

(Surah al-Anbiya, ayat 83)

Nabi Ayub telah diuji penyakit kulit yang
amat dahsyat. Selepas baginda membaca
doa di atas, Allah telah memperkenankan
kesembuhan baginda. Doa di atas sesuai
diamalkan semasa sedang diuji penyakit.



Doa Nabi Yunus a.s

قَالَ تَعَالَى: ﴿وَذَا النُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغْضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾

"Tidak ada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau, sungguh aku adalah termasuk orang-orang yang zalim."

(Surah al-Anbiya, ayat 87)

Pernah satu masa, Nabi Yunus ditelan ikan nun dan terperangkap di dalamnya. Baginda mengulang-ulang doa di atas dan akhirnya Allah memperkenankan kebebasan baginda. Doa ini sesuai diamalkan saat menghadapi ujian dan kesukaran.

قَالَ تَعَالَى: ﴿ إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ ﴿٣١﴾ أَلَّا تَعْلَمُوا عَلَيَّ وَأَتُونِي مُسْلِمِينَ ﴿٣٢﴾

"Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani,

bahawa janganlah kamu meninggi diri kepadaku, dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran agama Allah)."

(Surah an-Naml, ayat 30 dan 31)

Salah satu mukjizat Nabi Sulaiman a.s ialah mampu berkomunikasi dengan haiwan. Doa ini sesuai diamalkan semasa berhadapan haiwan buas dan berbisa.



Doa Nabi Muhammad SAW

قَالَ تَعَالَى: ﴿ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا
فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾ ﴿٢٠١﴾

“Ya Tuhanku berikanlah aku kebaikan di dunia dan akhirat, dan jauhkanlah aku dari api neraka.”

(Surah al-Baqarah, ayat 201)

Menurut sahabat Nabi iaitu Anas r.a, inilah doa yang paling banyak dibaca oleh junjungan dan ikutan kita, Nabi Muhammad SAW.





10 Amalan Harian Nabi

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bangun Awal Pagi


1. Nabi SAW bangun awal pagi iaitu antara jam 3.00 pagi hingga sebelum subuh.
2. Selepas bangun, Nabi SAW mengerjakan solat sunat tahajud.
3. Solat sunat tahajud dibuat antara dua hingga 10 rakaat.
4. Solat sunat tahajud dibuat antara waktu isyak dan subuh, dengan syarat sudah tidur walaupun sebentar.
5. Sementara menanti masuknya waktu subuh, istighfar diperbanyakkan.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Istighfar bermaksud 'Ampunkan aku, ya Allah

Solat Berjemaah

1. Nabi SAW mengamalkan solat berjemaah bagi kelima-lima waktu solat wajib, iaitu subuh, zuhur, asar, maghrib, dan isyak.
2. Solat berjemaah ialah solat yang dilakukan secara beramai-ramai, iaitu paling sedikit dua orang.
3. Solat jemaah perlu diketuai seorang imam yang berdiri di baris paling hadapan.
4. Solat jemaah boleh dibuat di mana-mana, tetapi biasanya dilakukan di masjid dan surau.
5. Solat berjemaah itu 27 kali lebih baik daripada solat bersendirian.



Solat Sunat

1. Selain solat wajib, Nabi SAW banyak melakukan solat sunat.
2. Solat sunat fajar dibuat dua rakaat, iaitu dalam tempoh berikut: selepas azan subuh dan sebelum bersolat subuh.
3. Solat sunat isyraq dibuat dua rakaat, iaitu dalam tempoh berikut: 15 minit selepas waktu syuruk.
4. Solat sunat dhuha dibuat antara dua hingga 12 rakaat, dalam tempoh berikut: selepas jam 10.00 pagi hingga 15 minit sebelum masuk waktu zuhur.
5. Solat sunat sebelum bersolat zuhur, dibuat dua atau empat rakaat.
6. Solat sunat selepas bersolat zuhur, dibuat dua atau empat rakaat.
7. Solat sunat selepas bersolat maghrib, dibuat dua rakaat.
8. Solat sunat selepas bersolat isyak.
9. Solat sunat witr sebelum tidur, dibuat satu atau tiga rakaat.

Membaca Al-Quran dan Berzikir

1. Selepas solat subuh, Nabi SAW duduk di tempat solat untuk membaca al-Quran dan berzikir.
2. Al-Quran ialah kata-kata Allah yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW menerusi malaikat Jibril.
3. Al-Quran ialah mukjizat yang paling agung.
4. Setiap huruf dalam al-Quran yang kita baca, kita akan dapat 10 kebaikan.
5. Zikir ialah mengingat Allah menerusi kata-kata, perbuatan, atau hati.
6. Satu cara berzikir ialah menyebut ungkapan seperti Subhanallah, Alhamdulillah, atau Allahu akbar. Ungkapan ini disebut berulang kali dan dengan fokus.





Tidur Sekejap Sebelum Solat Zuhur

1. Nabi SAW biasanya tidur sebentar sebelum masuk waktu zuhur.
2. Tidur pendek ini dipanggil qailulah dalam bahasa Arab.
3. Kajian saintifik mendapati, aktiviti qailulah ada banyak kebaikan, iaitu antaranya meningkatkan tenaga, fokus dan kreativiti.
4. Nabi SAW tidur menghadap arah kanan, dan sains telah membuktikan gaya tidur sebegini berikan banyak kebaikan.

Membantu Buat Kerja Rumah

1. Di rumah, Nabi SAW tidak suka menyusahkan isterinya.
2. Nabi SAW menjahit baju dan membaiki kasutnya sendiri.
3. Nabi SAW banyak membantu ahli keluarga membuat kerja rumah. Apabila masuk waktu solat, Nabi SAW keluar dari rumah untuk bersolat.

Bermesra Bersama Keluarga

1. Nabi SAW seorang yang ceria di dalam rumah.
2. Isteri baginda iaitu Aisyah ada mengatakan, "Jika Nabi berada di rumah, dialah orang yang paling murah senyuman dan ketawa."
3. Nabi SAW banyak menemani isterinya yang sedang sakit.

Bekerja, Menyampaikan Ilmu, Berdakwah

1. Nabi Muhammad SAW ialah seorang manusia hebat, tetapi Nabi SAW tetap bekerja dengan penuh tanggungjawab. Nabi SAW pernah bekerja sebagai penggembala kambing dan peniaga.
2. Selepas dilantik menjadi rasul, Nabi SAW aktif berdakwah dan menyampaikan ilmu.
3. Berkat usaha Nabi SAW (dan para sahabat), ajaran Islam berkembang ke seluruh dunia hingga hari ini.
4. Allah suka manusia yang berusaha bersungguh-sungguh (dalam melakukan perkara yang baik, contohnya belajar).



Berihad dan Bersukan

1. Nabi SAW bersabda, "Orang mukmin yang kuat itu lebih baik dan dikasihi oleh Allah daripada mukmin yang lemah." (Hadis riwayat Muslim)
2. Nabi SAW pernah berlumba lari dengan isterinya iaitu Aisyah.
3. Nabi SAW juga pernah bergusti dengan jaguh gusti Quraisy, dan Nabi menang tiga kali!

Amalan Nabi Sebelum Tidur

1. Solat sunat witr (satu atau tiga rakaat).
2. Baca surah al-Mulk dan al-Sajadah.
3. Baca doa tidur.
4. Baca ayat Kursi.
5. Baca Surah an-Nas, al-Falaq, al-Ikhlâs sebanyak tiga kali.





ISU-ISU SEMASA BERSERTA PENGAJARAN

Umat Islam tidak wajib beribadah siang malam hingga tidak tahu perkembangan semasa. Nabi SAW tidak pernah mengajar kita menjadi katak di bawah tempurung. Penting untuk umat Islam cakna (ambil berat) berkenaan isu-isu semasa yang berlegar di dalam dan luar negara.


Berikut ialah 6 isu semasa yang adik-adik perlu ambil tahu, berserta pengajaran yang boleh kita ambil daripadanya.

Penghantar Makanan Berjaya Mendapat PhD

Sejak kita dilanda pandemik Covid-19, ekonomi negara terganggu dan ramai orang hilang pekerjaan. Orang yang baru habis belajar pula sukar mendapat pekerjaan disebabkan banyak syarikat gulung tikar. Atas sebab itu, ramai orang memilih menjadi penghantar makanan untuk syarikat-syarikat seperti Food Panda, Grab, dan BungkusIt.

Tidak semua penghantar makanan itu tidak berpendidikan tinggi. Ramai antara mereka memiliki ijazah dan sarjana. Malah, ada juga yang memiliki ijazah kedoktoran atau PhD.

Contohnya, Tuan Akmal Azhar yang berjaya menyiapkan tesis PhD sambil bekerja sebagai penghantar makanan. Menurut beliau, sejak bermulanya PKP, beliau mula bekerja sepenuh masa sebagai penghantar makanan Food Panda. Pada waktu malam pula, beliau berusaha menyiapkan tesis PhD hingga akhirnya berjaya disiapkan dalam tempoh empat tahun.



Pengajaran:

1. Jangan pandang rendah pada sesiapa, kerana boleh jadi mereka lebih berilmu daripada kita.
2. Bekerja untuk mendapat sedikit rezeki halal itu lebih baik daripada langsung tidak bekerja.

Murid Tahun 5 Menang Pingat Emas Dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa.

BAHAN BUANGAN



DIPROSES

BAHAN BERMANFAAT



Seorang murid tahun 5 bernama Maryam Muzamir berjaya merangkul tiga pingat emas dalam pertandingan reka cipta dan inovasi di Toronto, Amerika Syarikat.

Namanya turut disebut-sebut dalam program TV popular negara itu, iaitu *The Late Late Show with James Corden* (program ini ditonton hampir sejuta orang secara purata).

Apa yang telah dihasilkan oleh Maryam hingga berjaya menjadi fenomena?

Dia telah menukarkan sisa makanan laut menjadi makanan haiwan ternakan! Kedengaran seperti biasa-biasa, bukan?


Pernah makan udang dan siput sedut? Biasanya kita makan isi saja, kemudian kita buang kulit dan cangkerangnya, bukan?

Namun, Maryam berjaya menukarkan kulit udang dan cangkerang siput sedut menjadi makanan berkhasiat untuk haiwan ternakan seperti lembu, kambing, dan ayam. Disebabkan sisa makanan laut ini wujud dengan banyak dan tidak kehabisan, maka makanan haiwan ternakan boleh dihasilkan secara berterusan dan pada harga yang rendah.

Masya-Allah, hebatnya ilham yang Allah kurniakan kepada Maryam Muzamir. Sungguh memberi inspirasi!

Pengajaran:

1. Semua ciptaan Allah ada kegunaannya.
2. Kanak-kanak juga mampu memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat.



Penyebaran Keganasan Menerusi Filem Popular

Pada zaman ini, ramai orang berlumba-lumba menghasilkan filem TV dan wayang. Ada orang sanggup menghasilkan cerita yang melanggar batas agama dan moral. Mereka lakukannya demi menarik perhatian para penonton dan pengulas filem.

Malangnya, pada era Internet ini, filem-filem luar negara terlalu mudah didapati. Lebih membahayakan, filem-filem ini tidak ditapis oleh pihak berkuasa di negara kita. Bermaksud, orang ramai bebas menonton filem-filem luar walaupun terdapat babak yang tidak senonoh, syirik, penuh carutan, dan banyak lagi anasir jahat.

Baru-baru ini, ada filem Korea hangat diperkatakan. Filem itu memaparkan banyak aksi ganas, lucu, dan carutan. Ramai orang Islam telah menonton filem itu. Lebih malang lagi, ramai orang Islam telah mempromosikan filem itu. Ada ustaz dan ustazah menegur perbuatan itu, tetapi golongan agama ini pula yang dikecam.

Adik-adik tentu perasan, ada filem-filem yang hanya boleh ditonton oleh mereka yang berusia 18 tahun ke atas. Mungkin kerana dalam filem itu ada babak ganas, lucu, dan merosak akidah.

Akan tetapi, adik-adik perlu tahu, menonton babak lucu pada usia 50 tahun pun tetap hukumnya berdosa. Usia 18 tahun ke atas bukanlah lesen untuk melihat perkara-perkara yang haram dan menggelapkan hati. Apatah lagi mempromosikan kepada orang lain supaya lebih ramai menontonnya.

Pengajaran:

1. Jangan promosikan perkara-perkara yang ada keburukan di dalamnya.
2. Usia 18 tahun ke atas bukanlah lesen untuk melihat perkara lucu dan ganas.
3. Terima teguran dan nasihat daripada orang berilmu.



LELAKI TIK TOK



“Assalamualaikum, Dayyan.” Sapa satu suara.

Dayyan ketika itu berusia 8 tahun. Dia sedang leka bermain iPad milik papanya, di dalam bilik sendiri. Suara yang menyapa itu tidak dipedulikan.

“Dayyan sedang buat apa?”

Dayyan terperasan dan menoleh ke arah suara. Seorang lelaki yang tidak dikenali sedang melihat dia bermain.

“Pak cik siapa? Kawan papa?” soal Dayyan, berkerut. Dia terdengar bunyi ‘tik tok’ datang daripada tubuh lelaki itu. Seperti bunyi jarum jam berdetik.

“Bukan. Pak cik ialah kawan Dayyan,” balas lelaki itu sambil tersenyum. Wajah lelaki itu kelihatan bersih dan polos.

“Pak cik bukan kawan saya. Saya tidak kenal pak cik,” balas Dayyan, kemudian kembali memandangi skrin iPad. Langsung kanak-kanak itu tidak terfikir, bagaimana lelaki asing itu boleh masuk ke dalam rumah.



"Dayyan, jangan terlalu banyak bermain, ya. Dayyan perlu hargaai masa yang ada. Dayyan ada bakat dalam banyak perkara, seperti melukis dan bersukan," ujar lelaki misteri itu.

Dayyan sekadar mengangguk, namun sebenarnya nasihat itu masuk ke telinga kiri, keluar dari telinga kanan. Langsung tidak melekat di dalam kepala.

"Nama pak cik siapa?" soal Dayyan sambil menoleh. Tiba-tiba lelaki itu menghilang. Dayyan melihat sekeliling. Tidak kelihatan susuk lelaki itu. Dayyan sedang bersendirian. Kanak-kanak itu mengangkat bahu dan sambung bermain.

Lima tahun kemudian, di dalam bilik yang sama, Dayyan sedang duduk di meja sambil menghadap komputer. Tangan dia pantas menekan papan kekunci mekanikal. Mata dia terpaku pada skrin besar melengkung. Watak askar 3D terpapar pada skrin itu, disertai bunyi dentuman dan tembakan daripada pembesar suara stereo.


"Assalamualaikum, Dayyan," sapa suara seorang lelaki.

Dayyan berhenti bermain lantas menoleh. Seorang lelaki sedang berdiri di sebelah dia bersama senyuman manis. Kedengaran bunyi 'tik tok' yang tidak berhenti, datang daripada lelaki itu. Dayyan berkerut-kerut, cuba mengecam lelaki itu.

"Saya pernah jumpa pak cik," ujar Dayyan.

Lelaki itu mengangguk. "Ya, betul. Ini kali kedua kita bertemu."

"Siapa pak cik sebenarnya?" soal Dayyan sambil melihat pintu bilik yang bertutup rapat. "Bagaimana pak cik boleh masuk? Saya kunci pintu bilik."



“Pak cik datang kerana mahu ingatkan Dayyan,” balas lelaki itu tanpa mempedulikan soalan yang dilontar. “Hargailah masa yang ada. Jangan dibazirkan dengan perkara yang kurang bermanfaat.”

“Siapa kata bermain permainan komputer tiada manfaat?” bidas Dayyan. “Ada banyak kebaikan apabila bermain permainan. Boleh redakan tekanan perasaan, tingkatkan penguasaan bahasa Inggeris, melatih ketangkasan tangan, berkawan-kawan dengan pemain dari serata dunia, dan banyak lagi!”

Lelaki itu senyum dan mengangguk. “Pak cik tidak cakap, bermain permainan komputer tiada manfaat. Cumanya, adakah manfaat itu lebih banyak daripada mudaratnya? Apabila Dayyan terlalu leka bermain, Dayyan tidak bersolat, tidak bantu ibu bapa, tidak mengaji al-Quran, tidak siapkan kerja sekolah. Nampak seperti lebih banyak keburukan.”

Dayyan berkerut geram. Dia bangun dari kerusi dan membuka pintu bilik seluasnya. “Tolong keluar dari bilik saya! Sesuka hati masuk bilik orang dan berceramah. Saya tahulah jaga diri!”

Lelaki berbunyi ‘tik tok’ itu masih senyum. Langsung tidak berubah raut wajah meskipun ditengking Dayyan yang muda remaja. Tiba-tiba satu suara wanita menyapa dari luar bilik.

“Dayyan bercakap dengan siapa?” Mama Dayyan muncul dan merapati anak tunggal kesayangannya itu.

“Ada lelaki yang tidak dikenali masuk rumah kita, mama!” ujar Dayyan sambil memandang wajah lembut mamanya.

“Mana lelaki itu?” tanya mama Dayyan sambil melontar pandangan ke dalam bilik.

Dayyan turut menoleh ke arah biliknya. Tiada sesiapa di situ, melainkan mereka berdua. Sekali lagi, lelaki ‘tik tok’ itu lesap bagaikan asap. Langsung tidak meninggalkan jejak.

Pada ketika Dayyan berusia 18 tahun, dia mendapat keputusan SPM yang teruk. Oleh sebab itu, dia tidak layak melanjutkan pelajaran pada peringkat universiti. Waktu rakan-rakan sebaya sedang belajar di kolej dan kampus, Dayyan duduk di rumah, menghadap permainan komputer tanpa mengira siang dan malam.

“Dayyan, apa khabar?”

Dayyan menoleh. Dia mendengus apabila mendapati lelaki 'tik tok' sedang berdiri di belakang bersama senyuman. Lelaki itu kelihatan sama seperti 5 dan 10 tahun lalu, seakan-akan usianya tidak meningkat. Bunyi 'tik tok' kedengaran seperti biasa, tanpa dapat dikenal pasti punca dan asal bunyi itu.

"Kau lagi! Apa yang kau mahu?" soal Dayyan dengan begitu biadap. Dia menoleh semula ke arah skrin dan sambung bermain.

"Dayyan tidak berjaya sambung belajar?" soal lelaki 'tik tok'.

"Hidup aku, suka hati akulah!" balas Dayyan.

"Sekiranya Dayyan memanfaatkan masa sebaiknya, tentu Dayyan sedang belajar di universiti sekarang ini. Kalau Dayyan gunakan masa yang ada untuk asah bakat, tentu Dayyan sudah mampu jana pendapatan sampingan dengan melukis. Dayyan juga terpilih sebagai wakil universiti dalam sukan bola sepak."

Tangan Dayyan terus berhenti daripada menekan papan kekunci. Gigi dia diketap kuat. Dia bingkas bangun dari kerusi dan meluru ke arah lelaki 'tik tok'. Dia mencengkam kolar baju lelaki itu sekuat hati.

"Mengapa kau sibuk jaga tepi kain orang? Kau siapa? Mengapa tidak boleh biarkan aku jalani hidup yang aku mahu? Aku gembira hidup begini! Jangan masuk campur!" tengking Dayyan.

"Adakah Dayyan betul-betul gembira dengan hidup begini?" soal lelaki 'tik tok' tanpa surut senyuman pada wajah.

Buat beberapa ketika, Dayyan terdiam. Dia mengambil sedikit masa bagi memikirkan jawapan paling tepat. Kemudian dia mengangguk-angguk. "Ya, memang aku gembira!"





"Adakah Allah gembira dengan hidup Dayyan begini?" soal lelaki itu lagi, menyebabkan Dayyan terkelu.

Spontan, Dayyan melepaskan genggaman pada kolar baju lelaki 'tik tok', lalu beranjak ke belakang beberapa langkah.

"Aku main permainan komputer, tetapi aku masih bersolat," ujar Dayyan.

"Bersolat pada akhir waktu kerana mengutamakan permainan komputer?" sahut lelaki 'tik tok'. "Itu namanya mencuaikan solat, dan hukumnya ialah neraka, Dayyan."

Dayyan terdiam sejenak sambil memandang lantai jubin yang putih sejuk. Kemudian dia berpaling dan kembali duduk di kerusi. Dia sambung

bermain tanpa mempedulikan lelaki 'tik tok'. Beberapa saat kemudian, lelaki itu menghilang.

Lima tahun kemudian, sekali lagi Dayyan disapa semasa sedang bermain permainan komputer. Wajah Dayyan nampak lesu dan tidak bertenaga, penampilan dia tidak terurus, namun tangan dia masih pantas menekan papan kekunci.

"Assalamualaikum, Dayyan."

Tanpa menoleh atau berhenti bermain, Dayyan menjawab, "Aku sudah dapat jangka, kau akan muncul semula."

Lelaki 'tik tok' berdiri tegak di sebelah Dayyan. Pakaian dan wajah lelaki itu masih sama, langsung tidak berubah. Muka dia yang bersih dan rapi sentiasa memaparkan senyuman.

"Sudah berapa hari Dayyan tidak tidur?" soal lelaki 'tik tok'.

"Kau bukan papa atau mama aku. Tiada hak untuk menyibuk dalam hidup aku," balas Dayyan sebelum menguap seluasnya.

"Banyak masa sudah Dayyan bazirkan. Apa hasilnya?" soal lelaki itu disertai bunyi 'tik tok'.

"Hasilnya? Aku amat mahir bermain permainan ini! Kau mahu cuba bermain dengan aku? Tentu kau kalah teruk!" balas Dayyan diikuti tawa mengejek.

Buat pertama kalinya, lelaki itu berhenti senyum. Raut muka dia menjadi masam dan sedih. "Dayyan, kita dicipta bukan untuk bermain permainan komputer. Allah kata, kita semua dicipta untuk beribadah kepada-Nya. Adakah permainan di hadapan kamu itu satu bentuk ibadah, Dayyan?"

"Apa punya soalan kau tanya?" balas Dayyan. "Tentulah bukan! Hidup ini bukan semuanya untuk ibadah! Perlu juga bersuka ria dan berhibur!"

"Tetapi hidup juga bukan semuanya untuk berhibur, seperti yang Dayyan lakukan," balas lelaki itu. Suara dia kedengaran serak dan sedih.

Tanpa disangka-sangka, Dayyan memegang dadanya. Muka dia pucat dan kebingungan. Nafas dia menjadi pendek dan berat. "Aduh, sakitnya! Aduh!"

Dayyan cuba memanggil mama dan papanya yang berada di tingkat bawah, namun suara tidak keluar. Dia terjatuh dari kerusi dan terlentang di atas lantai. Nafas dia semakin pendek dan laju. Dada dia semakin sakit dan pedih.

Lelaki 'tik tok' duduk bertinggung di sisi Dayyan.

"Tolong aku. Tolong...", ujar Dayyan, tercungap-cungap.

"Pak cik sudah cuba bantu, tetapi Dayyan yang menolak. Banyak masa dan peluang sudah diberikan, tetapi semuanya Dayyan bazirkan. Jalan ini, Dayyan sendiri yang pilih."

"Saya akan ... berubah. Tolonglah. Tolong." Dayyan semakin lemah.

Lelaki 'tik tok' menggeleng sambil menghembus nafas berat. "Maaf, Dayyan. Masa kamu sudah tamat."

Dayyan menghembuskan nafas terakhir. Serentak itu, bunyi 'tik tok' tidak lagi kedengaran daripada lelaki itu. Sejenak kemudian, lelaki itu turut menghilang tanpa jejak.





كمبارا كات

كومقولكن حروف د سفنجخ قرجالانن



كوتا تيغكي

انق كوتا

كوتا بهارو

ورناكن حروف برتيتيق تيك

ه ق ا ف

ث ذ ز ع

خ ت ث ب

ن ش و ي چ

منوليس دان ممباچ

بودي

باق

رومه

ناسي

سجوق

صالح

سمقاي

كيرا

كومشولكن حروف-حروف د سقنچق فرجالنن

بيجي تسبيح

باچ سريبو،

جادي انق

هاتي ايبو.

ماكن ناسي ميپق

اتس راكيت،

علمو پيار

جاغن كورغ.

BELAJAR SEDIKIT, DAPAT BANYAK

Pernah hadapi situasi di bawah?

1

Tolak pintu dengan kuat, tetapi pintu tidak dapat dibuka. Rupa-rupanya pintu perlu ditarik.




2

Duduk mengulangkaji pelajaran di hadapan TV selama beberapa jam, tetapi pelajaran tidak masuk ke dalam kepala.

3

Sudah masukkan bateri ke dalam alat elektronik, tetapi tidak berfungsi. Rupa-rupanya polariti bateri diletakkan terbalik.



Situasi-situasi di atas memberikan dua rumusan:

1. Kita seorang yang cuai
2. Usaha itu penting, tetapi usaha yang tepat itu lebih penting.

Kita sering mendengar pepatah, usaha tangga kejayaan. Tetapi kalau silap teknik semasa berusaha, tangga kejayaan mungkin tidak akan muncul, malah segala usaha jadi sia-sia. Aduhai!

Maka jangan sekadar berusaha. Usahalah secara efektif atau berkesan. Dengan usaha yang efektif, kita mampu meraih banyak hasil dengan sedikit usaha.

Pernah jumpa pelajar yang jarang belajar tetapi selalu mendapat keputusan cemerlang? Kita selalu rasa geram dengan mereka ini, bukan? Mereka ini kadangkala bukanlah genius, cuma mereka belajar secara tepat dan efektif.

Bagaimana cara untuk belajar sedikit tetapi dapat banyak hasil? Baca senarai tips di bawah:

kenal stail belajar diri sendiri

Tips ini diletakkan yang pertama kerana ini yang paling penting. Setiap pelajar memiliki stail belajar tersendiri.

Secara ringkasnya, ada tiga stail belajar yang paling meluas iaitu visual, auditori, dan kinestetik.

Pelajar stail visual lebih mudah belajar dengan cara melihat, iaitu contohnya membaca buku, menonton video, dan mencatat nota.

Pelajar auditori pula lebih mudah belajar dengan mendengar, contohnya mendengar buku audio dan melagukan pelajaran.

Pelajar kinestetik lebih mudah belajar dengan mempraktikkan apa yang dipelajari, contohnya masuk ke dalam makmal dan membuat eksperimen.

Apabila pelajar kinestetik belajar dengan stail visual, atau pelajar visual belajar dengan stail auditori, maka usaha boleh jadi kurang berkesan. Tapi jika pelajar membuat ulangkaji dengan menggunakan stail belajar yang sesuai, maka usaha belajar menjadi lebih efektif dan berimpak.

Elakkan mengikut-ikuti stail belajar kawan-kawan. Cari stail belajar yang sesuai dengan diri sendiri.



Cuba pelbagai teknik belajar

Ada banyak teknik belajar yang boleh diamalkan. Cuba cari satu atau beberapa teknik yang paling berkesan untuk diri sendiri. Untuk mencarinya, kita perlu mencuba sebanyak mungkin teknik belajar. Apabila sudah jumpa, teruskan mengamalkannya.

Jika satu-satu teknik belajar itu tidak sesuai untuk diri sendiri, maka jangan amalkan. Contohnya, kita cuba belajar sambil mendengar lagu, tetapi kita tidak dapat fokus pada pelajaran, maka elakkan belajar sambil mendengar lagu. Tidak semua teknik belajar itu sesuai untuk kita.



FOKUS, FOKUS, FOKUS

Perhatikan situasi di bawah:

Abu duduk belajar di meja selama sejam dan berjaya fahami 10 halaman buku rujukan.


Ali duduk belajar di hadapan TV selama tiga jam dan hanya berjaya fahami 5 halaman buku rujukan.

Ali nampak lebih rajin di mata ibunya. Belajar hingga tiga jam terus-menerus. Akan tetapi, usaha Ali kurang berkesan berbanding Abu. Jika Ali lebih fokus, Ali mampu fahami 5 halaman dalam setengah jam saja.

Maka satu cara untuk belajar dengan lebih berkesan ialah fokus. Jangan buat dua tiga kerja serentak. Jika mata kerap menoleh melihat skrin TV, telinga mendengar muzik, tangan sebelah picit-picit telefon, bagaimana kita boleh belajar dengan berkesan? Duduk lima jam pun belum tentu pelajaran boleh masuk ke dalam kepala.

Apakah stail dan teknik belajar yang paling sesuai dengan adik-adik? Sudah ada jawapan?

NOMBOR NUMBER أرقام



BAHASA MALAYSIA	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB	
Satu	One	وَاحِدٌ	١
Dua	Two	اِثْنَيْنِ	٢
Tiga	Three	ثَلَاثَةٌ	٣
Empat	Four	أَرْبَعَةٌ	٤
Lima	Five	خَمْسَةٌ	٥
Enam	Six	سِتَّةٌ	٦
Tujuh	Seven	تِسْعَةٌ	٧
Lapan	Eight	ثَمَانِيَةٌ	٨
Sembilan	Nine	تِسْعَةٌ	٩
Sepuluh	Ten	عَشْرَةٌ	١٠
Sebelas	Eleven	إِحْدَى عَشْرَ	١١
Dua Belas	Twelve	إِثْنَا عَشْرَ	١٢
Tiga Belas	Thirteen	ثَلَاثَةَ عَشْرَ	١٣
Empat Belas	Fourteen	أَرْبَعَةَ عَشْرَ	١٤
Lima Belas	Fifteen	خَمْسَةَ عَشْرَ	١٥
Enam Belas	Sixteen	سِتَّةَ عَشْرَ	١٦
Tujuh Belas	Seventeen	سَبْعَةَ عَشْرَ	١٧
Lapan Belas	Eighteen	ثَمَانِيَةَ عَشْرَ	١٨
Sembilan Belas	Nineteen	تِسْعَةَ عَشْرَ	١٩
Dua Puluh	Twenty	عِشْرُونَ	٢٠





٢

١١

٤

١٠

٧

١



BINA AYAT

BUILD SENTENCE

بناء الجملة

Harun minum segelas air setiap kali selepas makan.
Harun drinks a glass of water after every meal.

يَشْرَبُ هَارُونُ كُوبَ مَاءٍ بَعْدَ الْأَكْلِ فِي كُلِّ مَرَّةٍ

Saya mempunyai sepasang kasut dan dua pasang baju sekolah.
I have a pair of shoes and two pair of school uniforms.

أَنَا أَمْلِكُ زَوْجٌ مِنَ الْحِذَاءِ وَالْمَلَابِسِ الْمَدْرَسِيَّةِ

Adik saya membeli dua belas biji gula-gula di kedai.
My brother bought twelve sweets at the shop.

يَشْتَرِي أَخِي إِثْنَيْ عَشْرَةَ حَلْوَى مِنَ الدُّكَّانِ

Aminah menerima lima kuntum bunga ros pada hari lahirnya.
Aminah received five roses on her birthday.

تَقْبَلُ أَمِينَةُ خَمْسَ وَرَدَّةٍ فِي عِيدِ مِيلَادِهَا

Orang kaya itu memiliki sepuluh buah rumah di sekitar Kuala Lumpur.
The rich man has ten houses around Kuala Lumpur.

يَمْلِكُ ذَلِكَ الْغَنِيِّ عَشْرَ بُيُوتٍ فِي أَنْحَاءِ كُوَالَا لُومْبُورِ

12 NAMA BULAN HIJRIAH

Cari 12 nama bulan Hijriah yang tersembunyi

S E
 Z T
 R N W H
 Y Z F K
 P A B I T N
 T H B O S J
 X E Q H F R A B I U L A K H I R S G S S
 U W Q Y R A B I U L A W A L V S I K Y T
 R B L B M M R E J A B N A V I N P Y
 I I Y F L M B U O W Y S Z L H C
 L H B F Z U L H I J A H D R
 J A M A D I L A K H I R
 V Z V J A M A D I L A W A L
 M U H A R A M S Y A W A L L
 Z U L K A E D A H I D Q S F H H
 Z R P W W L Y Z N T Q X V W
 S A F A R B F Y D G W L G A
 H G W Y L H S Y P N
 C N D X N C X K
 S U H W

Muharam, Safar, Rabiulawal, Rabiulakhir,
 Jamadilawal, Jamadilakhir, Rejab, Syaaban,
 Ramadan, Syawal, Zulkaedah, Zulhijah

Teka Silang Kata

KISAH Nabi dan Rasul



Menegak

- 4. Mampu melembutkan besi dengan tangan kosong.
- 5. Berwajah sangat kacau dan pandai menafsir mimpi.
- 6. Membantu ayahnya membina semula Kaabah.
- 7. Asalnya tinggal di syurga, kemudian dihantar ke dunia.
- 9. Pernah ditelan ikan nun.
- 13. Baba kepada Nabi Yusuf.
- 14. Lahir tanpa seorang bapa.
- 15. Bersama-sama Nabi Musa menentang firaun.

Ke Bawah

- 1. Pernah dicampak ke dalam api hidup-hidup.
- 2. Membina sebuah bahtera dan mengharungi banjir besar.
- 3. Dibesarkan oleh isteri firaun.
- 8. Diuji penyakit kulit yang amat dahsyat.
- 10. Mampu mengawal angin dan jin.
- 11. Diutuskan kepada kaum Madyan untuk berdakwah.
- 12. Nabi dan rasul terakhir.



Teka Teki



**Kalau adik bijak bestari,
cuba adik-adik jawab
teka-teki Kak Jaja ini.**



1

Makin banyak kita memberi, makin banyak pula kita dapat. Apakah itu?



2

Bagi manusia, baunya busuk. Di sisi Allah, baunya sangat harum.



3

Dalam banyak-banyak solat, solat apakah yang tidak perlu sujud?

Jawapan:

#1: Beri sedekah - "Tidak akan berkurang harta dengan sedekah. Dan seorang hamba yang pemaaf pasti akan Allah tambahkan kemuliaan baginya." (Hadis riwayat Muslim)

#2: Bau mulut orang yang berpuasa - "Bau mulut orang yang berpuasa itu lebih wangi daripada kasturi di sisi Allah." (Hadis riwayat Ahmad)

#3: Solat jenazah

SYARAT SAH SOLAT



Isi tempat kosong di bawah.

1



Masuk w_k_u solat

2



Mengh__ap ki_lat

3



Me__tup au_at

4




S_ci da_ipada na_is

5



Su_i __aripada ha_as



Tahniah kerana
habiskan baca! Moga
ada manfaat dan
kebaikan!

Kalau ada rezeki,
kita berjumpa lagi
dalam keluaran
seterusnya!

Miaooo!
(Jumpa lagi,
adik-adik
yang baik hati!)



جهاز كماله وان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BUKU TERBAHARU TERBITAN JAKIM

2021



Kedai Buku JAKIM


Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
☎ 03-8870 1445 / 1446

Info e-penerbitan JAKIM



Kedai Buku JAKIM

BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2021



PENULIS: YBHG. TAN SRI DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM

KATA PENGANTAR PENULIS

Kandungan buku yang ringkas ini bermula dengan kupasan mengenal cabaran dan ancaman terhadap Islam daripada pelbagai sudut dan bagaimanakah cabaran itu bermula. Kemudian sebagai umat Islam yang beriman dan beramal dengan ajaran Islam serta berpegang teguh dengan ciri-ciri etika dan akhlak yang baik, kita haruslah berusaha menghadapi cabaran ini dengan penuh bijaksana dan berpengetahuan.



Mengandungi:

21 Bab

142 Muka Surat

900 Naskhah

Imbas kod QR ini
untuk maklumat lanjut
tentang e-ponorbitan JAKIM



Kedai Buku JAKIM

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
☎ 03-8870 7445 / 7446




إتقان العلم والادب
JAKIM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Kedai Buku JAKIM

BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2021



Imbas kod QR ini
untuk maklumat lanjut
tentang e-penerbitan JAKIM



Kedai Buku JAKIM

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya

☎ 03-8870 7445 / 7446

KITAB JAMI' AT-TARMIZI JILID 2

KEISTIMEWAAN KITAB INI

Merupakan kitab hadith yang ke-4 dalam kumpulan Al-Kutub As-Sittah yang lain iaitu Kitab Sahih Al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan An-Nasa'i dan Sunan Ibnu Majah. Kandungan hadith-hadithnya meliputi pelbagai topik tidak terhad kepada hadith-hadith hukum sahaja. Para pembaca akan didedahkan dengan pendapat Imam Syafi'i mengenai sesuatu amalan ibadat berdasarkan hadith yang dibincangkan.

Mengandungi:

8 Bab

549 Muka Surat

1800 Naskhah



إِنَّا نَحْمَدُكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ
JAKIM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Kedai Buku JAKIM

BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2021



PENULIS: YBRS. DR. LOKMAN BIN AB. RAHMAN

RINGKASAN ABSTRAK BUKU

Buku ini dihasilkan bertujuan mengenal pasti pelaksanaan pensijilan halal di Malaysia. Fokus perbincangan adalah mengenai pensijilan halal, dasar *halal-tayyiba*, audit, pemantauan, peranan Badan Islam, pencapaian, permasalahan yang dihadapi serta cadangan ke arah peningkatan pensijilan halal di Malaysia. ”

Mengandungi:

6 Bab

317 Muka Surat

900 Naskhah

Imbas kod QR ini
untuk maklumat lanjut
tentang e-penerbitan JAKIM



Kedai Buku JAKIM

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
☎ 03-8870 7445 / 7446



جايتم كمالوون اسلام ماليسيا
JAKIM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Kedai Buku JAKIM

BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2021



Imbas kod QR ini
untuk maklumat lanjut
tentang e-penerbitan JAKIM



PENULIS: YBRS. DR. YUSRI BIN CHEK

BINGKISAN PENULIS

Penulisan buku ini bertujuan menghuraikan latar belakang *Qiraat Shazzah* dan hubungannya dengan hukum fiqh. Ia juga menghuraikan tentang pola penghujahan Imam mazhab fiqh dan pola pendalilan *Qiraat Shazzah* dalam kalangan mereka. Buku ini juga menganalisis pengaruh penggunaan *Qiraat Shazzah* sebagai dalil penetapan hukum dalam mazhab fiqh.



Mengandungi:

3 Bab

214 Muka Surat

900 Naskah



Kedai Buku JAKIM

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
03-8879 7445 / 7446



إيمان و كمال و ان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Kedai Buku JAKIM

BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2021



PENGENALAN BUKU

Buku ini diterbitkan sebagai bahan bacaan dan rujukan untuk pasangan yang akan mendirikan rumah tangga. Setiap pasangan Muslim yang mendirikan rumah tangga telah melaksanakan sebahagian daripada tuntutan ibadah, malah perkahwinan merupakan satu tuntutan fitrah kejadian manusia. Pembelajaran tentang ilmu pengurusan rumah tangga berlaku sepanjang hayat. Ianya tidak memadai hanya dengan menghadiri kursus dalam tempoh masa yang singkat. Justeru, buku ini dapat menjadi salah satu sumber rujukan yang dapat membantu pasangan suami isteri yang baru mendirikan rumah tangga dalam melayari kehidupan yang direstui Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Mengandungi:

10 Bab

213 Muka Surat

100,000 Naskhah

Imbas kod QR ini
untuk maklumat lanjut
tentang e-penerbitan JAKIM



Kedai Buku JAKIM

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya
☎ 03-8870 7445 / 7446




إتتبع كماله وان إسلام ملهسبا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Kedai Buku JAKIM

PENDIDIK ialah majalah bersiri terbitan JAKIM yang mengandungi komik, artikel, dan cerpen. Di dalamnya ada diselitkan juga latihan, permainan, dan halaman aktiviti yang menguji daya pengetahuan dan kreativiti.

APA YANG MENARIK DI DALAM BUKU INI?



Ruang Kreatif:

Aktiviti untuk Anak Kreatif

Cerpen:

LELAKI TIK TOK




Artikel:

'Hutang Duit Boleh Dibayar, Hutang Masa?'

Soal Jawab Agama:

Belajar Hukum-Hakam Islam



Doa:

Menambah Hafalan Doa

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Komik:

Belajar sambil Berhibur



Permainan dan Latihan:

Mengasah Kemahiran

كوتا تيشكي انتي كوتا كوتا بهارو